



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI,
TINGKAT 12, 14,17 & 15
WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING
SARAWAK.

Telefon : 082-313545
Faks : 082-441676/449948
Laman Web : <https://sfs.sarawak.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : SFS/00021/4 SFS-CIRCULARS(P)(4)

Tarikh : 25 November 2024

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL.20/2024

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

TATACARA PEROLEHAN UNTUK *RURAL TRANSFORMATION PROJECTS (RTP) - PENAMBAHBAIKAN TERHADAP* SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI

(Perubahan Kelas dan Had Kewangan Bagi Perolehan Kerja di bawah
Rural Transformation Project)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang penambahbaikan kepada syarat-syarat penyertaan kontraktor yang dibenarkan untuk digunakan oleh Agensi Pelaksana yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan *Rural Transformation Projects (RTP)*.

2. LATARBELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri telah melaksanakan *Rural Transformation Projects (RTP)* sejak tahun 2015 bertujuan untuk meningkatkan pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi penduduk terutamanya di kawasan luar bandar.

- 2.2 Secara umumnya, syarat-syarat penyertaan kontraktor yang dibenarkan bagi perlaksanaan projek *RTP* telah dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.07/2020.
- 2.3 Seperti yang pihak tuan sedia maklum, Pejabat ini telah mengeluarkan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.19/2023 mengenai Perubahan Kelas dan Had Kewangan Bagi Perolehan Kerja Kerajaan Di Bawah Bidang Kerja, Bidang Mekanikal dan Bidang Elektrikal (Kepala VIIA) bagi pendaftaran UPKJ seperti butiran berikut ;

Bidang Kerja :

Kelas	Had Kewangan
A	Melebihi RM10,000,000
B	Melebihi RM5,000,000 sehingga RM10,000,000
C	Melebihi RM3,000,000 sehingga RM5,000,000
D	Melebihi RM1,000,000 sehingga RM3,000,000
E	Melebihi RM200,000 sehingga RM1,000,000
F	RM200,000 ke bawah

3. Perubahan kepada Syarat-Syarat Penyertaan Kontraktor

Selaras dengan perubahan Kelas dan Had Kewangan Bagi Perolehan Kerja seperti dinyatakan dalam Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.19/2023 bertarikh 20.11.2023 di atas, maka Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.07/2020 - Penambahbaikan Terhadap Tatacara Perolehan Untuk *Rural Transformation Projects (RTP)* bertarikh 9.11.2020 adalah dipinda seperti berikut :

3.1 Perenggan 3.1 sedia ada mengenai syarat-syarat penyertaan seperti had nilai kerja, kelas dan kepala yang dibenarkan adalah dipinda dan diganti dengan peraturan baru seperti berikut:

Kategori	Had Nilai Kerja (RM)	Kelas Yang Dibenarkan	Syarat Bidang Pendaftaran
1	RM200,000 dan ke bawah	Kelas F	<p>i. Penyertaan dibuka kepada semua Kepala (Head) tanpa mengira skop kerja projek.</p> <p>Walau bagaimanapun, Agensi adalah dibenarkan untuk menetapkan / menghadkan kepada kontraktor yang mempunyai Kepala (Head) yang berkaitan mengikut skop kerja projek sekiranya skop kerja tersebut adalah komoleks seperti projek yang melibatkan pembinaan struktur atau seumpamanya:</p> <p>ii. Dihadkan kepada kontraktor yang mempunyai Kepala (Head) yang berkaitan untuk projek yang melibatkan kerja-kerja pakar (<i>specialised works</i>) seperti kerja-kerja paip, mekanikal dan elektrikal.</p>
2	Melebihi RM200,000 sehingga RM1 Juta	Kelas E	Penyertaan dihadkan kepada Kepala (Head) Yang Berkaitan mengikut skop kerja projek.

3.2 Perenggan 3.2 sedia ada mengenai syarat Had Minimum Modal (*Minimum Capital Requirement*) yang ditetapkan adalah dipinda dan diganti dengan peraturan baru kerja, kelas dan kepala yang dibenarkan adalah dipinda dan diganti dengan peraturan baru seperti berikut:

Kategori	Had Nilai Kerja (RM)	Kelas Yang Dibenarkan	Had Minimum Modal (<i>Minimum Capital Requirement - MCR</i>)
1	RM200,000 dan ke bawah	Kelas F	RM4,500.00
2	Melebihi RM200,000 sehingga RM1 Juta	Kelas E	RM22,500.00

Nota :

- a. Modal minimum hendaklah dalam bentuk aset mudah cair iaitu campuran nilai purata baki akhir bulan dalam penyata bank bagi tiga (3) bulan terakhir, deposit tetap dan kemudahan kredit.
- b. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal, had minimum modal juga adalah berdasarkan had minimum modal seperti jadual di atas mengikut had nilai kerja berkenaan.
- c. Bagi kerja-kerja yang kompleks, agensi pelaksana boleh menetapkan had minimum modal yang lebih tinggi daripada nilai yang dinyatakan di dalam jadual di atas tetapi tidak melebihi lima (5) % daripada anggaran kos jabatan.

- d. Kontraktor yang layak menyertai cabutan undi lebih dari satu projek, maka had minimum modal yang sama boleh digunakan sebagai asas untuk proses cabutan undi untuk projek seterusnya pada sesi/ siri cabutan undi yang sama.
- e. Contoh pengiraan penetapan had minimum modal adalah tidak berubah seperti berikut:

Contoh Pertama :

Penetapan jumlah minimum modal yang digunapakai untuk kontraktor yang layak menyertai cabutan undi lebih dari satu (1) projek dalam Kategori yang sama adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Kos Projek (RM)	Kategori	Had Minimum Modal (RM)
1.	Membina Bangunan	RM 100,000.00	1	RM 4,500.00
2.	Menaiktaraf Jalan	RM 80,000.00	1	RM 4,500.00
3.	Menaiktaraf Jalan	RM 167,000.00	1	RM 4,500.00
Jumlah keseluruhan				RM 13,500.00

Bagi kontraktor yang layak untuk menyertai cabutan undi untuk ketiga-tiga projek tersebut di atas maka, jumlah minimum modal yang digunapakai iaitu RM4,500.00 sahaja dan bukannya berdasarkan jumlah keseluruhan iaitu RM13,500.00.

Contoh Kedua :

Penetapan jumlah minimum modal yang digunakan untuk kontraktor yang layak menyertai cabutan undi **lebih dari satu (1) projek** dalam Kategori yang berlainan adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Kos projek (RM)	Kategori	Had Minimum Modal (RM)
1.	Membina Bangunan	RM 150,000.00	1	RM 4,500.00
2.	Menaiktaraf Jalan	RM 360,000.00	2	RM22,500.00
3.	Menaiktaraf Jalan	RM 700,000.00	2	RM 22,500.00
Jumlah keseluruhan				RM 49,500.00

Bagi kontraktor yang layak untuk menyertai cabutan undi untuk ketiga-tiga projek tersebut di atas maka, jumlah minimum modal tertinggi hendaklah digunakan iaitu RM22,500.00 sahaja dan bukannya berdasarkan jumlah keseluruhan iaitu RM49,500.00.

4. PENGUATKUASAAN


- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.
- 4.2 Surat Pekeliling ini hendaklah **dibaca bersekali** dengan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.06/2018 dan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.07/2020.

- 4.3 Perenggan 3.1 dan 3.2 di dalam surat pekeliling sebelum ini iaitu Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.07/2020 adalah dibatalkan.
- 4.3 Sebarang pengecualian peraturan yang ditetapkan di dalam surat pekeliling ini hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



[DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN WAN OMAR]
Setiausaha Kewangan Negeri
SARAWAK

- s.k.: 1. YB Setiausaha Kerajaan Sarawak
2. Pengarah, Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
3. Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri
3. Akauntan Negeri, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak